Buletin BIL 1 • JAN-APR 202

# MPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA




Facebook: Majlis Perbandaran Ampang Jaya - Rasmi

twitter.com/mp.ampangjaya

hotline/mpaj.gov.my

# Kandungan

BIL. 1 EDISI 2021 | JAN- APRIL

03
05
06
07
10
11
13
20







## SidangRedaksi

**PENAUNG**
**Y.Bhg. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim** SMS
Yang Dipertua

**SIDANG EDITOR**
- Puan Izzati Husna bt. Ismail
- Puan Siti Mariam bt. Md Dzahir

**PENASIHAT**
Tn. Hj. Hasrolnizam bin Shaari AMS
Timbalan Yang Dipertua

**PEMBANTU PENERBITAN**
Pn. Normali bt. Noordin

**KETUA EDITOR**
Pn. Rosliza bt. Mohd PPT
Pengarah Jabatan Perancangan Korporat

**FOTOGRAFI**
En. Muhammad Mustaqim Siddiq bin Tahwil Azar

## HubungiKAMI

| | |
|---|---|
| Talian Utama (Operator) | 03 - 4296 8000 |
| Faksimile | 03 - 4290 8050 / 8060 |
| Hotline (24 Jam) | 03 - 4296 8100 |
| Talian Bebas Tol Aduan | 1 - 800 - 22 - 8100 |
| Pantas (Bencana Alam 24 Jam) | 03 - 4280 9050 |
| Kaunter Khidmat Pelanggan<br>• Kaunter Pertanyaan<br>• Kaunter Eksekutif Pelanggan | 03 - 4285 7046<br>03 - 4285 7357 |
| Pejabat Yang Dipertua | 03 - 4285 7090 |
| Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha | 03 - 4285 7099 |
| Jabatan Perbendaharaan | 03 - 4285 7004 |
| Jabatan Perancangan Korporat | 03 - 4285 7477 |
| Jabatan Penguatkuasa<br>• Stor<br>• Trafik | 03 - 4285 7024<br>03 - 4285 7025<br>03 - 4285 7325 |
| Jabatan Belia, Masyarakat & Landskap | 03 - 4285 7012 |
| Jabatan Bangunan & Senibina | 03 - 4285 7009 |

| | |
|---|---|
| Jabatan Perancang Bandar | 03 - 4285 7008 |
| Jabatan Kejuruteraan | 03 - 4285 7300 |
| Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta | 03 - 4285 7072 |
| Jabatan Pelesenan | 03 - 4285 7344 |
| Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam | 03 - 4285 7044 |
| Jabatan Kesihatan, Alam Sekitar & Penjaja | 03 - 4285 7007 |
| Jabatan Khidmat Pengurusan | 03 - 4285 7037 |
| Jabatan Undang-Undang | 03 - 4285 7016 |
| Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) | 03 - 4285 7110 |
| Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan) | 03 - 4285 7102 |
| Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat | 03 - 4285 7433 |
| Bahagian Ukur Bahan | 03 - 4285 7444 |
| Bahagian Audit Dalam | 03 - 4285 7188 |
| Bahagian Integriti | 03 - 4285 7407 |



# Ahli Majlis MPAJ SESI 2018 - 2020

# Majlis Apresiasi

**AHLI** majlis memainkan peranan penting dalam membantu sesebuah PBT melaksanakan program pembangunan di kawasan pentadbirannya. Bagi menghargai jasa dan bakti ahli majlis MPAJ sesi 2018 – 2020, majlis apresiasi telah diadakan pada 6 Januari 2021 bertempat di Jibby KL East, Sime Darby Taman Melati. MPAJ mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua mantan ahli majlis yang telah menyumbangkan bakti, khidmat dan keringat dalam melaksanakan tanggungjawab bagi menjadikan Ampang Jaya lebih makmur dan harmoni.





## Appreciation Ceremony for MPAJ'S Councillors 2018-2020 Session



***COUNCILLORS** play an important role in supporting urban development in local councils. To appreciate the contribution and devotion of MPAJ's 2018 – 2020 councillors, appreciation ceremony was held on 6 January 2021 at Jibby KL East, Sime Darby Taman Melati. MPAJ would like to express our deepest appreciation and thanks to all former councillors who have contributed their devotion, commitment and hard work in carrying out their responsibilities in making Ampang Jaya more prosperous and harmonious.*



SESI 2021 - 2022

# Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis MPAJ





**SERAMAI** 18 orang telah menerima jawatan sebagai ahli majlis MPAJ yang baharu bagi penggal 2021-2022 pada 8 Januari 2021. Majlis angkat sumpah telah diadakan di bilik mesyuarat Bunga Tanjung, aras 16 Menara MPAJ di hadapan Yang Dipertua, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim. Daripada jumlah tersebut, 8 orang muka baharu dilantik manakala seramai 10 orang menyambung perkhidmatan sebagai ahli majlis. Dengan perlantikan 18 orang ahli majlis ini maka jumlah keseluruhan ahli majlis MPAJ bagi sesi 2021 – 2022 adalah seramai 24 orang yang mana 6 orang telah mengangkat sumpah lebih awal pada penghujung tahun 2020.



## Swearing-In Ceremony of The Newly Appointed MPAJ'S Councilor for 2021 – 2022 Session

*18 people swore-in as councillors for 2021 – 2022 session in front of MPAJ's President, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim on 8 January 2021. The swearing-in ceremony was held at Bunga Tanjung meeting room, level 16 Menara MPAJ. Out of 18, 8 people were new faces while 10 others continue their services as council members. The swearing-in of 18 councils complete the quota of 24 council members. 6 councils swore-in earlier end of 2020.*







# SESI WAWANCARA **PROGRAM AGROPRENEUR MUDA, RTM TV1**

**PADA** 24 Januari 2021 telah berlangsung program sesi wawancara Program Agropreneur Muda anjuran RTM di kebun komuniti Pangsapuri Cemara, Cheras Hartamas bersama Tuan Mohd Fauzi bin Yatim, YDP MPAJ. Tuan YDP telah ditemubual berkenaan pelaksanaan kebun komuniti di bawah pentadbiran MPAJ. Pelaksanaan program kebun komuniti MPAJ telah bermula seawal tahun 2015 dengan 54 kebun yang berdaftar. Semua aktiviti kebun komuniti lazimnya akan melibatkan pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

Sesi wawancara ini telah bersiaran di RTM TV1 pada 9 Februari 2021. MPAJ sentiasa memberi peluang kepada kebun komuniti untuk dipromosikan kepada umum sebagai salah satu usaha memberi suntikan semangat kepada ahli-ahli kebun.









## *Interview Session with RTM TV1 for Young Agropreneur Program*

***AN** interview session with RTM TV1 for Young Agropreneur Programme was held on 24 January 2021 at Pangsapuri Cemara community garden, Cheras Hartamas with our President, Tuan Mohd Fauzi bin Yatim. The interview session was focused on all community garden in MPAJ area. Community garden programs in MPAJ area were initiated as early as the year 2015 with latest 54 registered garden. All community activities involved several agencies directly and indirectly. This interview session was broadcast on RTM TV1 on 9 February 2021. MPAJ always provide opportunities to promote community gardens to the public as one of the efforts to inject enthusiasm to the members of the garden.*

# MAJLIS ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2021



**KOMUNITI** Rukun Tetangga (KRT) Taman Pandan Mewah, Hulu Langat, Selangor muncul johan apabila memenangi Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021 dengan membawa pulang geran bernilai RM 50,000. Replika cek bernilai RM 50,000 tersebut telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Majlis Pelancaran Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dan Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021 yang disiarkan secara maya pada 28 Februari 2021. Turut hadir adalah Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique. Selain hadiah utama, KRT Pandan Mewah juga turut memenangi Anugerah Pengurusan Rukun Tetangga Terbaik dengan geran bernilai RM 10,000 serta Anugerah Jiran Wanita Terbaik. KRT Taman Pandan Mewah turut menerima piala pusingan, piala iringan dan plak pengiktirafan.



## *Rukun Tetangga Prime Award Ceremony 2021*

***KRT** Taman Pandan Mewah, Hulu Langat, Selangor walks away with RM 50,000 when they were announced as the winner of Rukun Tetangga Prime Award 2021. The RM 50,000 mock-up cheque was delivered by our Prime Minister, Tan Sri Muhyiddin Yassin during the launching ceremony of Rukun Tetangga Community Leadership Empowerment Plan 2021-2030 and Rukun Tetangga Prime Award 2021 that was host virtually on 28 February 2021. Also present was National Unity Minister, Datuk Halimah Mohamed Sadique. KRT Pandan Mewah also received RM 10,000 grant for the Best Rukun Tetangga Management Award and the Best Women Neighbour Award, serta Anugerah Jiran Wanita Terbaik, KRT Taman Pandan Mewah received challenged trophy, accompaniment trophy and recognition plaque.*



# KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA (C-SMART) @ MPAJ 2021



**MPAJ** telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Strata atau lebih dikenali sebagai C-Smart pada 5 hingga 7 Mac 2021 bertempat di Hotel Palm Garden IOI Resort, Putrajaya. Kursus yang berlangsung dengan jayanya ini telah dihadiri oleh 14 orang peserta terdiri daripada ahli badan pengurusan bersama (JMB) di kawasan MPAJ. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ telah menyempurnakan Majlis Perasmian Kursus C-SMART serta pelancaran Garis Panduan Kaedah Perolehan Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata pada 6 Mac 2021. Majlis anjuran Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPAJ tersebut telah mendapat maklum balas yang baik dan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

## *Comprehensive Strata Management And Residential Training (C-Smart) @ MPAJ 2021*

***MPAJ** hosted a comprehensive strata management and residential training or better known as C-SMART on 5 until 7 March 2021 at Palm Garden IOI Resort Hotel, Putrajaya. The training was joined by 14 participants consists of joint management body (JMB) in MPAJ area. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President officiated the launching ceremony of C-SMART and Procurement Guideline of Strata Building Management on 6 March 2021. The training received positive responds and achieved its objectives.*

# PROGRAM JELAJAH KITA SELANGOR

## Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHAARI KE PARLIMEN AMPANG

**MPAJ** amat berbesar hati apabila Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor memilih parlimen Ampang sebagai destinasi pertama program 'Jelajah Kita Selangor' pada 6 dan 7 Mac 2021. Jelajah Kita Selangor ke parlimen Ampang dimulakan dengan program di DUN Lembah Jaya pada 6 Mac 2021 dan DUN Bukit Antarabangsa pada 7 Mac 2021.

Program pada hari pertama dimulakan dengan pengedaran pelitup muka di pasar pagi Kampung Dato' Mufti Shuib seawal pukul 8 pagi. Dato' Menteri Besar seterusnya melawat ke kebun komuniti Surau Ulul Azmi dan menyempurnakan majlis penyerahan bantuan di Flat Taman Kosas. Beliau seterusnya ke Kg Tasek Tambahan dan melawat ke Pusat Khidmat Rakyat Penyelaras DUN Lembah Jaya. Serahan bantuan diteruskan di Masjid Al-Aman, Kg. Lembah Jaya Selatan dan Kampung Ampang Indah. Pada sebelah malamnya, program bersama anak muda Lembah Jaya telah berlangsung di Bukit Belacan.

Program Jelajah Kita Selangor pada 7 Mac 2021 diteruskan di DUN Bukit Antarabangsa seawal 8 pagi di Pasar Kampung Baharu Kuala Ampang dan Dewan MPKK Kampung Baharu Kuala Ampang bagi penyerahan bantuan keperluan asas. Dato' Menteri Besar turut meluangkan masa melawat ke Stelvin Bukit Antarabangsa sebelum bergerak ke Craven Café Bukit Antarabangsa. Beliau turut melawat ke pejabat penyelaras DUN Bukit Antarabangsa sebelum bergerak ke Masjid Ukay Perdana bagi melihat keperluan daripada ahli jawatankuasa masjid. Program diteruskan dengan sesi ramah mesra di pejabat ahli majlis MPAJ zon 6 di Dewan Orang Ramai Taman Sri Ukay. Sumbangan keperluan asas telah diadakan di Tokong Kau Ong Yah sebelum Dato' Menteri Besar ke Masjid Bandar Baru Ampang dan menyempurnakan ziarah kasih ke beberapa buah rumah di Bandar Baru Ampang, Kampung Baru Ampang dan Taman Cahaya bagi penyerahan bantuan. Program hari kedua diakhiri di Santai @ Ampang Point.



Turut mengiringi YAB Dato' Menteri Besar adalah Tuan Mohd Fouzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ; Tuan Tc. Haji Hasrolnizam bin Shaari, TYDP MPAJ; ahli majlis; dan pengarah MPAJ.

### 'Jelajah Kita Selangor Y.A.B. Dato' Seri Amirudin Bin Shaari' to Ampang Parliament

*MPAJ was honoured when Dato' Seri Amirudin bin Shari, Selangor Chief Minister choose Ampang parliament as his first destination for the 'Jelajah Kita Selangor' program on 6 and 7 March 2021. 'Jelajah Kita Selangor' to Ampang parliament was started at DUN Lembah Jaya on 6 March 2021 and DUN Bukit Antarabangsa on 7 March 2021.*

*The first day program was started as early as 8 am with distribution of face masks at Kampung Dato' Mufti Shuib's morning market. The Selangor Chief Minister then visited Surau Ulul Azmi's community garden and distributed donation boxes to the needy at Flat Taman Kosas. He then visited Kg Tasek Tambahan before going to the DUN Lembah Jaya's Citizen Service Centre. Handing over of donation was done at Masjid Al-Aman, Kg. Lembah Jaya Selatan and Kampung Ampang Indah. A special program with youngsters of Lembah Jaya was held at Bukit Belacan in the evening.*

*The 'Jelajah Kita Selangor' program was continued on 7 March 2021 at DUN Bukit Antarabangsa at 8 in the morning at Kampung Baharu Kuala Ampang's market and MPKK Kampung Baharu Kuala Ampang's hall for distribution of basic need donations. The Chief Minister also spend some times visiting Stelvio Bukit Antarabangsa before going to Craven Café Bukit Antarabangsa. He also visited DUN Bukit Antarabangsa coordinator's office before leaving for Masjid Ukay Perdana to discuss the needs of the mosque. The program continued with a friendly session in the zone 6's councillor office at Dewan Orang Ramai Taman Sri Ukay. Basic necessities donations were held at Tokong Kau Ong Yah before the chief minister went to Bandar Baru Ampang's mosque and did 'ziarah kasih' to a few houses at Bandar Baru Ampang, Kampung Baru Ampang and Taman Cahaya for delivery of aids. The second day program ended at Santai @ Ampang Point.*

*Also present were Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; Tuan Tc. Haji Hasrolnizam bin Shaari, MPAJ's Vice President; MPAJ's councillors and head of departments.*



# Sambutan Hari Wanita

## PERINGKAT MPAJ ANJURAN PUSPANITA MPAJ



**SAMBUTAN** Hari Wanita peringkat MPAJ telah diadakan pada 11 Mac 2021 dengan tema "Wanita Bangkit Mendepani Cabaran". Sambutan tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat Bunga Tanjung, Aras 16, Menara MPAJ anjuran PUSPANITA MPAJ. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Yatim, YDP MPAJ. Turut hadir adalah Pn. Rohani binti Abdullah selaku Timbalan Pengerusi II Puspanita Daerah Gombak; Tuan Ts. Hasroinizam Shaari bersama isteri Pn. Nurshuhaini binti Mohammad Shukor; ketua jabatan wanita; dan wakil wanita daripada setiap jabatan. Tuan YDP dan isteri telah sudi membuat penyerahan cenderamata kepada semua kakitangan wanita MPAJ yang telah banyak menabur bakti kepada organisasi.

## *MPAJ Women's Day Celebration Hosted by MPAJ's Puspanita*



*__MPAJ__ Women's Day celebration was held on 11th March 2021 themed "Wanita Bangkit Mendepani Cabaran". The celebration was held at Bunga Tanjung meeting room, level 16, Menara MPAJ hosted by MPAJ's Puspanita. The ceremony was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Yatim, MPAJ's president. Also present were Pn. Rohani binti Abdullah as the Vice Chairman II, Gombak District's Puspanita; Tuan Ts. Hasroinizam Shaari with wife Pn. Nurshuhaini binti Mohammad Shukor; ladies head of departments; and lady representatives from all departments. The president and beloved wife also hands over souvenirs to all women employees of MPAJ who have contributed to the success of MPAJ.*







# Majlis Sekalung Budi



## Tuan Ts. Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Bekas Timbalan Yang Dipertua MPAJ

**MEMULAKAN** kerjaya di MPAJ sebagai jurutera di Jabatan Kejuruteraan MPAJ, beliau kemudiannya telah diangkat sebagai Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPAJ. Atas kredibiliti dan sifat kepimpinan beliau yang tinggi, Tuan Ts. Haji Hasrolnizam bin Shaari kemudiannya dilantik sebagai Setiausaha MPAJ merangkap Timbalan Yang Dipertua. Selepas berkhidmat selama 16 tahun di MPAJ, beliau telah dipinjamkan ke Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bermula 15 Mac 2021. Hari-hari terakhir beliau di MPAJ dihiasi dengan pelbagai aktiviti bersama pegawai dan kakitangan MPAJ yang pastinya akan merindui beliau. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ; ketua-ketua jabatan; dan kakitangan MPAJ telah merakamkan hari terakhir beliau di MPAJ sebelum mula menjawat jawatan Pengarah LUAS.

## Appreciation Ceremony

*for Tuan Ts. Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Ex Vice President of MPAJ*



***STARTED** his career as an engineer at MPAJ's Engineering Department, he was then appointed as the Director of Engineering Department. His credibility and high leadership quality qualified Tuan Ts. Haji Hasrolnizam bin Shaari to be appointed as MPAJ's secretary cum Vice President. After serving MPAJ for 16 years, he was transferred to 'Lembaga Urus Air Selangor' (LUAS) starting 15 March 2021. His few last days in MPAJ were filled with activities with officers and staff of MPAJ who loved him dearly. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's president; head of departments and staffs wave good bye at his last day at MPAJ before being appointed as the Director of LUAS.*





# PENGAUDITAN AKSESIBILITI **ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DI BANGUNAN-BANGUNAN AWAM** DAN TAMAN AWAM DI BAWAH PEMANTAUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)





**PENGAUDITAN** Aksesibiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) di bangunan-bangunan awam dan taman awam di bawah pemantauan pihak berkuasa tempatan di Malaysia telah diadakan di kawasan MPAJ pada 16 Mac 2021. Bangunan milik MPAJ yang diaudit pada hari tersebut adalah Stadium MPAJ dan Menara MPAJ manakala taman awam yang diaudit adalah Laman Rekreasi Tasek Tambahan. Beberapa cadangan penambahbaikan telah diberikan oleh Pn. Sarizah binti Saipin daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Cik Siti Huraizah binti Ruslan selaku wakil daripada Persatuan Orang Buta Malaysia. Cadangan penambahbaikan tersebut diterima dengan hati terbuka oleh pihak MPAJ demi memastikan semua bangunan dan taman awam MPAJ bersifat mesra OKU. Sesi auditan disertai oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ; Jabatan Bangunan & Senibina; Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta; Jabatan Belia, Masyarakat & Landskap; dan Jabatan Perancangan Korporat.







## *Disabled People Accessibility Audit at Public Buildings and Public Parks Under The Management of Local Councils*

***DISABLED** people accessibility audit at public buildings and public parks under the management of local councils in Malaysia was held at MPAJ on 16 March 2021. MPAJ's buildings that were audited are MPAJ's Stadium and Menara MPAJ while public park that was audited is 'Laman Rekreasi Tasek Tambahan'. A few suggestions for improvement have been given by Pn. Sarizah binti Saipin from the Ministry of Housing and Local Government (KPKT) and Cik Siti Huraizah binti Ruslan as the representative from Malaysian Association for the Blind. The improvement proposal was accepted with an open heart by MPAJ to ensure that all MPAJ's buildings and public parks are OKU friendly. The audit session was participated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; Building and Architecture Department; Evaluation and Property Management Department; Youth, Community and Landscape Department; and Corporate Planning Department.*




# PROGRAM SUKARELAWAN @ ZOO NEGARA DAN MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN KEBUN KOMUNITI MPAJ 2020



**MPAJ** telah menyertai Program Sukarelawan @ Zoo Negara pada 20 Mac 2021. Program yang disertai oleh YDP, ketua jabatan dan wakil kakitangan MPAJ ini menyaksikan seramai 70 orang sukarelawan dari MPAJ bersama-sama membersihkan kandang haiwan dan memberi makan kepada haiwan-haiwan di Zoo Negara. Majlis dirasmikan oleh YB. Tn. Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. MPAJ turut mengadakan majlis penyampaian hadiah Pertandingan Kebun Komuniti MPAJ 2020 dalam majlis yang sama. Turut hadir YB. Tn. Saari bin Sungib, ADUN Hulu Kelang; Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ; ahli majlis; dan pengarah MPAJ. Selain itu, MPAJ turut menyumbang wang tunai RM 5,000.00 kepada pengurusan Zoo Negara.

## *Volunteers Program @ National Zoo And MPAJ'S Community Garden Competition Prize Giving Ceremony 2020*

***MPAJ*** *participated in the volunteer program @ National Zoo on 20 March 2021. 70 participants including MPAJ's President, head of departments and employees work hand in hand to clean the animal's cages and fed the animals at the National Zoo. The program was officiated by YB. Tn. Ng Sze Han, Exco of Local Government, Public Transportation, and Development of New Village of Selangor. We also host community garden competition prize giving ceremony during the same ceremony. Also present were YB. Tn. Saari bin Sungib, Hulu Kelang Assemblyman; Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; councillors; and MPAJ's head of departments. MPAJ also contributed RM 5,000.00 to the management of National Zoo.*









# PROGRAM KOLABORASI & VERIFIKASI DATA GUNA TANAH KAJIAN RANCANGAN TEMPATAN MPAJ 2035





**TN.** Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ telah merasmikan program kolaborasi dan verifikasi data guna tanah kajian Rancangan Tempatan MPAJ 2035 pada 24 Mac 2021 bertempat di Hotel De Palma Ampang. Taklimat disampaikan oleh TPr. Nik Mohd Ruiz bin Nik Ahmad Fakhrul Razy selaku perundingan kajian Rancangan Tempatan (penggantian) MPAJ. Program tersebut telah berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan.

## *Collaboration and Data Verification of MPAJ Local Plan's Land Use 2035*

***TN.*** *Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President officiated the collaboration and data verification of MPAJ Local Plan's land use 2035 on 24 March 2021 at Hotel De Palma Ampang. Briefing was delivered by TPr. Nik Mohd Ruiz bin Nik Ahmad Fakhrul Razy as the consultant of MPAJ's Local Plan (replacement) research. This program successfully achieved its objective.*

# PROGRAM DERMA DARAH ANJURAN PUSAT DARAH NEGARA, MPAJ DAN PUSPANITA GOMBAK

MPAJ dan Puspanita Daerah Gombak dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah mengadakan program derma darah selama 2 hari iaitu pada 29 dan 30 Mac 2021 di Bilik VIP, Aras 3, Menara MPAJ. Aktiviti yang dianjurkan setiap tahun ini bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia yang memerlukan bekalan darah. Program pada kali ini berjaya disertai oleh 40 orang kakitangan yang berjaya menderma darah mereka. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ bersama Pn. Rohani binti Abdullah, Timbalan Pengerusi II Puspanita Daerah Gombak telah bersama-sama hadir bagi melihat perjalanan program tersebut. Tahukah anda bahawa 1 beg darah mampu menyelamatkan 3 nyawa? Apa tunggu lagi? Marilah sama-sama kita menderma darah.







## *Blood Donation Program Organized by National Blood Centre, MPAJ and Puspanita Gombak*

*MPAJ and Gombak District Puspanita with the help from National Blood Centre hosted a 2-day blood donation program on 29 and 30 March 2021 at Menara MPAJ. This activity that was held every year was aimed to help Malaysian who are in need for blood supply. 40 employees successfully donated their blood. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President and Pn. Rohani binti Abdullah, Vice Chairman II of Puspanita Gombak were present during the program. Did you know that 1 bag of blood can save up to 3 lives? What are waiting for? Let's donate some blood.*

# PROGRAM CHEF @ KEBUN KOMUNITI

**PROGRAM** Chef @ Kebun Komuniti adalah satu program baharu MPAJ anjuran Jabatan Belia, Masyarakat & Landskap bersama kebun komuniti yang terpilih. Ianya disiarkan secara langsung melalui aplikasi 'Facebook live' MPAJ dengan kerjasama beberapa orang chef masakan bagi berkongsi juadah yang dimasak menggunakan hasil daripada kebun komuniti. Setiap program Chef @ Kebun Komuniti yang dianjurkan pasti mendapat sokongan pengurusan tertinggi MPAJ dengan kehadiran Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ bersama pengarah-pengarah jabatan MPAJ. Pelbagai juadah menarik disediakan dengan perkongsian tips masakan.

## *Chef @ Community Garden*

***CHEF** @ community garden is MPAJ's latest program hosted by Youth, Community & Landscape Department with selected community garden. It is being hosted online via MPAJ's Facebook live in collaboration with several culinary chefs to share dishes cooked using produce from community gardens. Each Chef @ Community Garden program received full support from MPAJ's President, Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, and internal head of departments. A variety of delicious dishes are prepared with sharing of cooking tips.*











| TARIKH / DATE | LOKASI / VENUE | JEMPUTAN / CHEF |
|---|---|---|
| 10 Mac 2021 / 10 March 2021 | Kebun komuniti Ukay Indah, Hulu Kelang | Chef Hisyam Yussuf Mansor & Chef Iskandar Ishak |
| 24 Mac 2021 / 24 March 2021 | Kebun komuniti Pandan Jaya Fasa 2 | Chef Hisyam Yussuf Mansor & Chef Iskandar Ishak |
| 7 April 2021 / 7 April 2021 | Kebun komuniti Pangsapuri Camara, Cheras | Chef Bob & Chef Hisyam Yussuf Mansor |





**BERSEMPENA** sambutan Ramadan, majlis penyerahan sumbangan kepada masjid dan surau solat Jumaat telah diadakan pada 30 Mac 2021 bertempat di Aras 5, Menara MPAJ. Sebanyak 22 masjid dan 23 surau solat Jumaat menerima sumbangan RM 1,500.00 daripada MPAJ. Majlis turut diserikan dengan jamuan makan tengah hari bagi menyantuni jawatankuasa masjid dan surau bersama Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ serta barisan ahli majlis dan pengarah MPAJ. Semoga sumbangan yang diberikan dapat membantu pengurusan masjid dan surau di sekitar MPAJ.

# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN RAMADAN
## KEPADA MASJID DAN SURAU SOLAT JUMAAT TAHUN 1441H / 2021M





## ***Handing Over of Ramadan Donation*** *to Mosques and Friday Prayers Surau 1441H / 2021M*





***IN*** *conjunction with Ramadan celebration, a donation handover ceremony to the mosque and Friday prayer surau was held on 30 March 2021 at Level 5, Menara MPAJ. A total of 22 mosques and 23 Friday prayer surau received a contribution of RM 1,500.00 from MPAJ. The ceremony was also graced with a luncheon involving the mosque and surau committee with Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ as well as the council members and directors of MPAJ. Hopefully the contribution given can help the management of mosques and surau in MPAJ area.*





**PADA** 6 April 2021, pihak MPAJ telah mengadakan Program Kongsi Rezeki bersama anak-anak yatim, asnaf dan warga emas di dua lokasi iaitu 'Mesra Home Ampang', Taman Watan dan Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim & Asnaf Qaseh Ibu, Lembah Jaya Selatan. Sumbangan disampaikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ. Turut hadir meraikan program ini adalah En. Khairilazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap MPAJ. Barangan keperluan asas ini adalah merupakan sumbangan daripada kakitangan MPAJ dan orang awam.

## *MPAJ'S Donation Program for Orphans, Asnaf and Senior Citizens*

***ON*** *6 April 2021, MPAJ hosted a donation program for orphans, asnaf and senior citizens at Mesra Home Ampang, Taman Watan and 'Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim & Asnaf Qaseh Ibu', Lembah Jaya Selatan. Donations were delivered by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President. Also present was En. Khairilazhar bin Ismail, Director of Youth, Community and Landscape Department of MPAJ. These basic necessities were donations from MPAJ's staff and residents.*

# PROGRAM KONGSI REZEKI

## MPAJ BERSAMA ANAK YATIM, ASNAF DAN WARGA EMAS










# PERASMIAN MAJLIS PENYERAHAN

## BANTUAN BAKUL MAKANAN

### KEPADA PEMANDU TEKSI DAN BAS SEKOLAH

**YB. PUAN** Rodziah binti Ismail, Exco Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor telah hadir ke Stadium MPAJ, Pandan Perdana pada 9 April 2021 bagi menyempurnakan simbolik perasmian majlis penyerahan bantuan 'food basket' kepada pemandu teksi dan bas sekolah. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ; serta wakil Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor (LPHS); Yayasan Food Bank Malaysia; 'Team Selangor'; barisan ahli majlis dan pengarah jabatan MPAJ turut hadir. Antara kandungan 'food basket' tersebut adalah keperluan asas seperti beras, minyak masak, gula, tepung gandum, mi kering dan susu. Seramai 420 pemandu bas sekolah dan pemandu teksi telah menerima sumbangan.







## *Launching Ceremony of Food Basket for Taxi and School Bus Drivers*

***YB. PUAN*** *Rodziah binti Ismail, Selangor State Exco for Urban Wellbeing and Entrepreneur Development was present at Stadium MPAJ, Pandan Perdana on 9 April 2021 to officiate the handing over of food basket for taxi and bus drivers. Also present were Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; Selangor Housing & Property Board (LPHS); Food Bank Malaysia Foundation; Team Selangor; councillors and internal directors of MPAJ. The food basket consists of basic needs such as rice, cooking oil, sugar, flour, dried noodle and milk. 420 taxi and bus drivers received the donation.*





# PERASMIAN PERPUSTAKAAN MINI, KELAB KEBUN RUMAH PANGSA AU2, KERAMAT

## OLEH DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

**KELAB** Kebun Komuniti Rumah Pangsa AU2, Keramat telah mengadakan kerjasama strategik dengan Universiti USCI bagi merekabentuk dan membina sebuah perpustakaan mini di kebun komuniti mereka. Perpustakaan mini bersaiz 28 kaki x 23 kaki ini telah siap dibina pada tahun 2020 bagi menempatkan pelbagai bahan ilmiah untuk kegunaan penduduk di Rumah Pangsa AU2. YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shaari, Dato Menteri Besar Selangor telah hadir bagi merasmikan perpustakaan mini tersebut pada 11 April 2021. Majlis perasmian tersebut turut dihadiri oleh YB. Tuan Saari bin Sungib, ADUN Hulu Kelang; Tn Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ; Tn. Shukri bin Mohd Hanim, Pegawai Daerah Gombak; barisan ahli majlis dan pengarah MPAJ. Semoga dengan adanya perpustakaan mini ini dapat membina sebuah komuniti yang membudayakan ilmu dan memberi manfaat kepada penduduk di sekitar.

## *Launching Ceremony of AU2 Community Garden's Mini Library by Chief Minister of Selangor*





***AU2** Keramat Community Garden Club has form a strategic cooperation with USCI University to design and build a mini library at their community garden. The mini library sized 28 feet x 23 feet was completed in 2020 to place various educational materials for the use of residents in AU2 Flats. YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shaari, Chief Minister of Selangor officiated the mini library on 11 April 2021. Also present were YB. Tuan Saari bin Sungib, Hulu Kelang Assemblyman; Tn Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; Tn. Shukri bin Mohd Hanim, Gombak District Officer; MPAJ's councillors and head of departments. It is hope that this mini library will build a community that cultivates knowledge and benefits the surrounding community.*



# PROJEK TEKNOLOGI HIJAU TAHUN 2021 @TUDOR COURT

**PADA** 10 April 2021 telah diadakan program pelaksanaan projek teknologi hijau tahun 2021 di Pangsapuri Tudor Court, Ampang dengan pemasangan 30 unit lampu yang menggunakan tenaga solar menerusi program SMART Selangor. Projek ini merupakan sumbangan daripada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor bernilai RM 15,000.00. Program dirasmikan oleh Tuan Syamsul Maarif bin Ismail, Ahli Majlis JKP Zon 10 MPAJ dengan kehadiran Sr. Muhammad Rosiznar bin Abdul Rahim, Ketua Bahagian COB MPAJ.

## *Green Technology Project 2021 @ TUDOR Court*

***GREEN** technology project was held on 10 April 2021 at Tudor Court Apartment, Ampang installing 30 units of solar lamp via SMART Selangor program. This project is a contribution from State Economic Planning Unit (UPEN) worth RM 15,000.00. The program was officiated by Tuan Syamsul Maarif bin Ismail, MPAJ's councillors Zone 10 with the present of Sr. Muhammad Rosizhar bin Abdul Rahim, COB's head of division.*







# PROGRAM MENGIMARAHKAN RAMADAN 1442H / 2021M

**BERSEMPENA** dengan bulan Ramadan, MPAJ telah mengadakan beberapa siri ceramah. Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk menyuburkan dan meraikan kehadiran bulan Ramadan disamping melahirkan semangat cintakan ibadah dalam diri, keluarga dan masyarakat seterusnya merapatkan silaturahim sesama kakitangan.

Berikut adalah siri ceramah yang telah dianjurkan :

- Ceramah "Ahlan Ya Ramadan" disampaikan oleh Ustaz Haslin (Ustaz Bollywood) pada 15 April 2021;
- Ceramah "Pengikat Kasih Sayang Keluarga" disampaikan oleh PU Azman pada 22 April 2021; dan
- Ceramah "Ibrah Badar Kubra" disampaikan oleh Imam Muda Asyraf pada 06 Mei 2021.





## *Ramadan Program @ MPAJ* 1442H / 2021M

***IN** conjunction with the month of Ramadan, MPAJ has held a series of religious talks. The main purpose of this program is to nurture and celebrate the presence of the month of Ramadan as well as to create a spirit of love for worship in oneself, family and society and further strengthen the friendship among employees.*

*The talks delivered were as follows :*

- *"Ahlan Ya Ramadan" by Ustaz Haslin (Ustaz Bollywood) on 15 April 2021;*
- *"Pengikat Kasih Sayang Keluarga" by PU Azman on 22 April 2021; and*
- *"Ibrah Badar Kubra" by Imam Muda Asyraf on 06 Mei 2021.*

# PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 minit

**PROGRAM** JOM BACA BERSAMA 10 minit anjuran Perpustakaan Awam Selangor telah dijalankan di MPAJ pada 22 April 2021. Bertemakan "Baca Itu Terapi", program ini diadakan bagi menggalakkan seluruh warga MPAJ membudayakan amalan membaca. Program yang berlangsung pada pukul 11.00 pagi hingga 11.10 pagi telah mendapat penyertaan daripada semua kakitangan termasuk Tuan Mohd Fauzi bin Yatim, Yang Dipertua MPAJ sebagai tanda komitmen terhadap kepentingan membaca dalam mewujudkan masyarakat berilmu.









## *Let's Read Together for 10 Minutes Program*

***LET'S** Read Together for 10-minute program hosted by Selangor Public Library was held at MPAJ at 22 April 2021, with the theme "Reading is a Therapy", this program is held to encourage MPAJ's staff cultivating the practice of reading. The program was held from 11.00 am until 11.10 am involving all employees including Tuan Mohd Fauzi bin Yatim, MPAJ's President as a sign of commitment to the importance of reading in creating a knowledge society.*

# Majlis Pelancaran KAWAH RAMADAN TEAM SELANGOR (KaRaTS)



**MAJLIS** Pelancaran Kawah Ramadan Team Selangor telah berlangsung pada 25 April 2021 di Dewan Dato Ahmad Razali, Ampang bagi penyediaan bubur lambuk. Majlis dirasmikan oleh YB. Tn Mohd Khairuddin bin Othman, Exco Pembangunan Modal Insan, Generasi Muda & Sukan Negeri Selangor. Beliau turut merasmikan pelepasan 10 peserta Rantaian e-Bekalan Digital Selangor (Seldec) yang dianggotai Helang Motor Club Team Selangor. Usaha penyediaan bubur lambuk melibatkan sekitar 100 orang sukarelawan turut disertai oleh Tuan Johari bin Atli, Pengarah Jabatan Undang-undang (menanggung kerja Setiausaha MPAJ), ahli majlis dan pengarah MPAJ. Program ini mendapat kerjasama daripada Pejabat Dato' Menteri Besar, MPAJ, Seldec dan Asatizah Selangor (ANAS).



Sebanyak 30.000 pek bubur lambuk diagih kepada komuniti di seluruh negeri menerusi program Kawah Ramadan Team Selangor (KaRaTS) tahun ini. Program ini bertujuan memupuk semangat perpaduan dan kebersamaan komuniti berbilang kaum selain mengekalkan tradisi acara tahunan supaya terus subur dalam masyarakat.

## *Launching Ceremony of 'Kawah Ramadan Team Selangor' (Karats)*








***THE** launching ceremony of 'Kawah Ramadan Team Selangor' was held on 25 April 2021 at Dewan Dato Ahmad Razali, Ampang to prepare porridge (bubur lambuk). Program was officiated by YB. Tn Mohd Khairuddin bin Othman, Selangor State Exco for Human Capital Development, Young Generation & Sports. YB Tn Khairuddin also officiated the release of 10 participants 'Rantaian e-Bekalan Digital Selangor' (Seldec) involving Helang Motor Club Team Selangor. Efforts to prepare porridge involving 100 volunteers were also joined by Tuan Johari bin Atli, Director of Legal Department (executing the work of MPAJ's Secretary); councillors and directors of MPAJ. The program received support from Chief Minister of Selangor office, MPAJ, Seldec and Asatizah Selangor (ANAS).*

*30,000 packs of lambuk porridge were distributed to communities across the state under the Kawah Ramadan Team Selangor (KaRaTS) program this year. This program was aimed to foster the spirit of unity and togetherness of the multi-racial community as well as maintain the tradition of annual events to continue to flourish in the community.*

# BENGKEL 'REFRESHMENT' KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF MPAJ TAHUN 2021









**NORMA** baharu pelaksanaan kerja dalam zaman pandemik tidak menghalang MPAJ dalam melaksanakan Bengkel 'Refreshment' Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) MPAJ bagi tahun 2021. Pada tahun ini, bengkel tersebut telah diadakan pada 28 April 2021 di Dewan Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. Seramai 105 orang peserta dari pelbagai jabatan dan bahagian mengambil bahagian dalam kursus ini dengan mematuhi SOP MKN. Bengkel telah dikendalikan oleh En. Rosdi Osman daripada Unit Transformasi, Pengurusan Kualiti & Inovasi FELDA. Semoga pelaksanaan kursus ini dapat membudayakan inovasi secara holistik dalam kalangan warga kerja MPAJ demi menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Ampang Jaya.

## MPAJ'S Innovative and Creative Circle (ICC) Refreshment Course 2021

**THE** *new norms of work implementation during the pandemic era did not prevent MPAJ from implementing MPAJ's Innovative and Creative Circle (ICC) Refreshment Workshop for 2021. This year, the workshop was held on 28 April 2021 at Dewan Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. A total of 105 participants from various departments and divisions participated in this course by complying with the MKN SOP. The workshop was conducted by En. Rosdi Osman from Transformation, Quality Management & Innovation Unit of FELDA. Hopefully the implementation of this course can cultivate innovation holistically among MPAJ staff in order to deliver the best service to the people of Ampang Jaya.*





# OPERASI BERSEPADU PEMATUHAN SOP COVID-19

## BERSAMA PKD HULU LANGAT, PKD GOMBAK, PDRM, CIDB DAN MPAJ

**PADA** 14 Januari 2021 telah berlangsung operasi bersepadu pematuhan SOP Covid-19 bersama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Langat, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gombak, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Jabatan Bangunan & Senibina MPAJ, Jabatan Pelesenan MPAJ dan Jabatan Penguatkuasa MPAJ. Operasi dimulakan dengan sesi taklimat di Dewan MPAJ Pandan Indah sebelum semua 67 anggota yang terlibat dibahagikan kepada 4 pasukan. 4 lokasi tapak binaan yang disemak adalah Mitraland Development Sdn Bhd, KLH Melawati Sdn Bhd, Wangsa Keringat Development Sdn Bhd dan Granstep Development Sdn Bhd. Beberapa kompaun telah dikeluarkan atas beberapa kesalahan dan kesemua tapak binaan telah melaksanakan tindakan pembetulan serta penambahbaikan di samping telah membuat pembayaran ke atas kompaun yang dikeluarkan. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ telah memberi sepenuh komitmen dengan menyertai sesi lawatan tapak bagi melihat sendiri tahap pematuhan SOP.





## *Integrated Operation of Covid-19 Sop Compliance Between PKD Hulu Langat, PKD Gombak, PDRM, CIDB and MPAJ*

***ON*** *14 January 2021, an integrated operation to comply with Covid-19 SOP was held between Hulu Langat District Health Office, Gombak District Health Office, Royal Malaysian Police (PDRM), Malaysian Construction Industry Development Board (CIDB), MPAJ's Building & Architecture Department, MPAJ's Licensing Department and MPAJ's Enforcement Department. The operation began with a briefing session at the Dewan MPAJ Pandan Indah before all 67 members involved were divided into 4 teams. The 4 construction sites reviewed were Mitraland Development Sdn Bhd, KLH Melawati Sdn Bhd, Wangsa Keringat Development Sdn Bhd and Granstep Development Sdn Bhd. A few compounds have been issued for a number of offenses and all construction sites have implemented corrective actions and improvements as well as have made payments on the compounds issued. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President has given his full commitment by participating in the site visit session to see for himself the level of SOP compliance.*





# AKTIVITI TUAIAN HASIL TANAMAN BERKONSEPKAN SISTEM APUNGAN

**YANG** Dipertua MPAJ, Tuan Mohd Fouzi bin Mohd Yatim bersama beberapa pegawai MPAJ telah hadir ke Kebun Komuniti Ulul Azmi, Taman Bukit Indah pada 16 Februari 2021 bagi bersama-sama menjayakan aktiviti tuaian hasil tanaman berkonsepkan sistem apungan. Kebun komuniti ini mula diaktifkan pada tahun 2015 dengan mengusahakan tanaman secara tradisional dan sedikit demi sedikit konsep tanaman mula berkembang ke arah teknik baharu seperti fertigasi, akuaponik, hidroponik dan yang terbaharu adalah sistem apungan. MPAJ sentiasa memberi sokongan penuh kepada warga Ampang Jaya yang berusaha melaksanakan inovasi terhadap kebun mereka.

## FLOATING SYSTEM CROP HARVEST ACTIVITIES

***MPAJ's** President, Tuan Mohd Fouzi bin Mohd Yatim with a few officers paid a visit to Ulul Azmi Community Garden, Taman Bukit Indah on 16 February 2021 to joint the harvesting process of crops that were planted using float system. These community gardens were founded in 2015 by cultivating traditional crops before evolving to new techniques such as fertigation, aquaponics, hydroponics and most recently the float system. MPAJ always gives full support to the people of Ampang Jaya who strive to implement innovations in their community gardens.*















# SUMBANGAN PELITUP MUKA DAN CECAIR SANITASI TANGAN

**MPAJ** telah menerima sumbangan pelitup muka dan cecair sanitasi tangan bagi kegunaan petugas barisan hadapan pada 23 Februari 2021. Sumbangan disampaikan oleh YM Tengku Dato' Dr Hishammuddin Zaizi bin YAM Tengku Bendahara Azman Shah Alhaj yang merupakan Presiden Pertubuhan Amal THZ dan Pengarah Urusan Ikhasas Group. Hadir menerima sumbangan adalah Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, YDP MPAJ bersama Tn. Hasrolnizam bin Shaari, TYDP MPAJ.



# *Donations of Face Mask and Hand Sanitizer*

***MPAJ*** *received donation of face mask and hand sanitizer for the usage of our front liners on 23 February 2021. The donations were handed over by YM Tengku Dato' Dr Hishammuddin Zaizi bin YAM Tengku Bendahara Azman Shah Alhaj who is the President of 'Pertubuhan Amal THZ' and managing director of Ikhasas Group. Present to received the donations were Tn. Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President and Tn. Hasrolnizam bin Shaari, MPAJ's Vice President.*







# Lawatan Bagi Cadangan Pembangunan Koridor Hijau Lembah Jaya

**SATU** lawatan tapak telah diadakan pada 4 Februari 2021 bagi cadangan Pembangunan Koridor Hijau di Lembah Jaya, Selangor. Lawatan tersebut melibatkan beberapa agensi kerajaan persekutuan yang diketuai oleh YBrs. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Timbalan Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Turut hadir adalah YB Puan Haniza Talha, ADUN Lembah Jaya bersama Tuan Mohd Fauzi bin Yatim, YDP MPAJ; dan Tuan Tr. Hj. Hasrolnizam bin Shaari, TYDP MPAJ. Koridor Hijau Lembah Jaya akan melibatkan cadangan pembangunan landskap di sekitar kawasan tersebut untuk memberi keselesaan dan kemudahan riadah kepada penduduk setempat.



## Site Visit for Lembah Jaya Green Corridor Development Project

***A*** *site visit was held on 4 February 2021 for the proposed Green Corridor Development in Lembah Jaya, Selangor. The visit involved several federal government agencies led by YBrs. Datuk Dr. Mary Wong Lai Lin, Deputy Secretary (Policy and Development), Housing and Local Government Ministry (KPKT). Also present were YB Puan Haniza Talha, Lembah Jaya Assemblyman together with Tuan Mohd Fauzi bin Yatim, MPAJ's President, and Tuan Tr. Hj. Hasrolnizam bin Shaari, MPAJ's Vice President. The Lembah Jaya Green Corridor will involve proposed landscape development around the area to provide comfort and leisure facilities to the locals.*




# LAWATAN KE LAMAN SANTAI @ AMPANG POINT OLEH DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)

## *A VISIT FROM KUALA LUMPUR CITY HALL (DBKL) TO LAMAN SANTAI @ AMPANG POINT*

**MPAJ** telah menerima kunjungan hormat daripada 10 pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 27 Mac 2021. Tujuan lawatan adalah mempelajari pelaksanaan Laman Santai @ Ampang Point. MPAJ menyediakan kawasan tempat duduk berbumbung untuk kegunaan pelanggan dan orang awam manakala peniaga hanya dibenarkan berniaga menggunakan kenderaan saji. Kendera saji tidak dibenarkan untuk ditinggalkan di tapak dan perlu dibawa pulang. Konsep ini dilihat lebih kemas dan menjadi trend masa kini. Ianya adalah sebuah projek berimpak tinggi memandangkan kawasan ini pada asalnya adalah penempatan penjaja berselerak yang hanya berniaga menggunakan meja lipat dan payung. Penjenamaan semula yang dilaksanakan oleh MPAJ dengan bantuan kewangan daripada Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi lonjakan janaan ekonomi peniaga setempat. Lawatan ini diketuai oleh Tuan Khairul Anuar bin Muhd Juri, Pengarah Jabatan Peleseran dan Pembangunan Penjaja DBKL. Hadir memberi penerangan adalah Pn. Marlina binti Mohamad, Pengarah



Jabatan Pelesenan MPAJ bersama wakil Jabatan Kesihatan, Alam Sekitar & Penjaja MPAJ.

*MPAJ received a visit from 10 officers of Kuala Lumpur City Hall (DBKL) on 27 March 2021. The purpose of the visit was to learn about the implementation of Laman Santai @ Ampang Point. MPAJ provides covered seating areas for the use of customers and public while traders are only allowed to trade using food trucks. Food trucks are not allowed to be left on site and must be taken home. This concept is seen to be more tidy and has become a current trend. It is a high impact project as the area was originally a settlement of scattered hawkers who only traded using folding tables and umbrellas. The rebranding implemented by MPAJ with financial assistance from the Ministry of Housing & Local Government (KPKT) has given a boost to the economy of local traders. The visit was led by Tuan Khairul Anuar bin Muhd Juri, Director of Licensing and Hawker Development Department of DBKL. Present to give briefing was Pn. Marlina binti Mohamad, Director of MPAJ Licensing Department with representatives of MPAJ's Health, Environment & Hawkers Department.*



# Lawatan Tapak Yang Dipertua

## ke Keramat AU5, AU3 dan AU2 (DBKL)

**TUAN** Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ telah mengadakan lawatan tapak ke Keramat AU5, AU3 dan AU2 pada 5 Januari 2021. Lawatan tapak tersebut telah disertai oleh wakil Jabatan Kejuruteraan bagi melihat dan membincangkan penyelesaian terbaik bagi isu jalan berlubang.







# The President Site Visit to Keramat AU5, AU3 and AU2

***TUAN** Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President has conducted a site visit to Keramat AU5, AU3 and AU2 on 5 January 2021. The site visit was accompanied by representatives from Engineering Department to monitor and discuss the best solution for potholes issues.*



# Lawatan Tapak Yang Dipertua ke sekitar Taman Melawati









**BAGI** memastikan setiap peniaga bazar Ramadan dan peniaga premis perniagaan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), satu lawatan mengejut telah diadakan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ ke sekitar Taman Melawati. Lawatan tersebut telah diiringi oleh Puan Marlina binti Mohamed, Pengarah Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan dan Puan Rosliza binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat. Beliau memantau pelaksanaan SOP oleh peniaga di bazar Ramadan Taman Melawati dan pemilik premis perniagaan di Melawati Mall. Beliau turut mengambil kesempatan beramah mesra bersama peniaga-peniaga.

## *The President Site Visit to Taman Melawati*

***TO** ensure that every Ramadan bazaar traders and business premise traders complies with the standard operating procedures (SOP) from Ministry of Health Malaysia (MOH) and the National Security Council (MKN), a surprise visit was held by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ at Taman Melawati. The visit was accompanied by Puan Marlina binti Mohamad, Director of Licensing and Entrepreneur Development Department and Puan Rosiza binti Mohd, Director of Corporate Planning Department. He monitored the implementation of SOPs by traders at the Taman Melawati Ramadan bazaar and owners of business premises at Melawati Mall. He also took the opportunity to socialize with traders.*